

## BAB 2

### NILAI KESANTUNAN DALAM KONTEKS SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MELAYU

Bab ini akan membincangkan latar belakang sosiobudaya masyarakat Melayu yang mempengaruhi perlakuan sama ada dalam perlakuan berbahasa atau perlakuan bukan bahasa. Aspek-aspek sosial dalam penggunaan bahasa seperti unsur budaya dan agama serta taraf dan kedudukan penutur-pendengar merupakan bidang dalam pengkajian sociolinguistik (Gumperz dan Hymes, 1972). Sehubungan itu, kajian terhadap kesantunan yang merupakan satu bidang dalam sociolinguistik tidak boleh mengabaikan latar belakang sosiobudaya masyarakat. Tumpuan perbincangan dalam bab ini adalah terhadap pemaparan pertembungan antara amalan tradisi dengan Islam membentuk sosiobudaya dan sistem berbahasa orang Melayu. Perbincangan menyentuh aspek nilai dan norma orang Melayu yang kuat dipengaruhi Islam sehingga membina identiti bangsa Melayu yang beradab dan bersantun.

#### 2.1 Nilai Dalam Budaya Masyarakat Melayu

Nilai pada asasnya merupakan tanggapan yang mempengaruhi corak pilihan terhadap bentuk, alat dan matlamat tindakan (Zainal Kling, 1980). Nilai juga dikatakan sebagai suatu prinsip kelakuan yang abstrak yang digeneralisasikan dengan memuatkan perasaan emosi yang kuat dalam pengiltizaman yang positif lalu memberikan suatu piawai untuk menetapkan sesuatu tindakan atau matlamat (Theodorson & Theodorson, 1979 dalam Amat Juhari, 2001:284). Sistem nilai memberikan rangka kerja untuk penganalisisan norma-norma masyarakat,

keunggulan, kepercayaan dan kelakuan. Nilai menjadi ukuran dan pegangan tentang baik buruk atau cantik hodoh sesuatu perlakuan berasaskan kelaziman atau kebiasaan dalam sesuatu masyarakat (Wan Abdul Kadir, 2000:4). Pendek kata, nilai ialah tanggapan yang menjadi ukuran dalam sesuatu perlakuan dan tindakan. Pemberian takrifan terhadap nilai itu tidak banyak bezanya dengan takrifan lebih awal yang dikemukakan oleh Kluckhohn dan Strodtbeck (1961:4). Mereka mengatakan bahawa nilai sebagai sesuatu yang kompleks tetapi berpola dan berprinsip yang memberi arahan dan menjadi petunjuk terhadap perlakuan serta pemikiran manusia dalam mengatasi masalah.

Dalam masyarakat Melayu, ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk dan hubungan, intisari nilai, sikap dan pandangan. Islam menjadi jiwa dalam keseluruhan sosial dan budaya orang Melayu (Zainal Kling, 1980). Nilai Islam mempunyai hubungan yang organik dengan pandangan yang universal Islam tentang Tuhan, manusia dan alam (Kamal Hasan, 1980). Nilai dalam kehidupan orang Melayu bersandarkan Islam memandangkan Islam ialah alternatif beragama bagi orang Melayu (T.A. Ridwan, 2001:270).

Nilai-nilai Islam itu telah membentuk peraturan sosial yang dapat membina disiplin sosial lalu wujudlah hubungan sosial yang berkesan. Nilai-nilai yang dipupuk itu mendorong seseorang individu mejangkakan perlakuan yang patut dan perlakuan yang tidak patut demi mengatasi masalah hidup. Sekiranya dia melakukan perlakuan yang patut dan menepati peraturan sosial, dia dikatakan "beradat". Sebaliknya kalau dia melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai

masyarakatnya dia akan dikatakan sebagai “**tidak beradat**”, iaitu perlakuan yang melanggar peraturan sosial dan mengundang banyak masalah sosial.

Nilai dalam masyarakat Melayu mempunyai hubungan tiga penjuru, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Maka nilai yang paling utama pastinya berpandukan hubungan antara manusia dengan Tuhan, apa juga yang ditegah oleh Tuhan menjadi perkara yang mesti dielakkan oleh manusia. Sebaliknya apa yang diperintahkan-Nya perlu dilaksanakan sebaik mungkin. Tuhan telah memaklumkan apa yang baik dan apa yang tidak baik untuk manusia. Nilai-nilai yang dinyatakan-Nya itu berhubung dengan kehidupan sosial, ekonomi, politik dan budaya. Tidak ada suatu pun perbuatan dan tindakan manusia yang terlepas daripada penilaian Allah, seperti firman Allah Taala tentang janji-Nya terhadap mereka yang berbuat dosa dalam surah al-Baqarah ayat 81 yang bermaksud:

*“Barang siapa berbuat dosa dan ia telah diliputi oleh dosanya, mereka inilah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.”*

Manakala dalam surah yang sama ayat 82 Allah berfirman lagi yang bermaksud:

*“Dan orang-orang yang beriman serta beramal saleh, mereka itu penghuni surga, mereka kekal di dalamnya.”*

Islam yang telah dihayati melebihi enam kurun lamanya telah menjadi kandungan utama dalam pembawaan peribadi, struktur masyarakat dan sistem budaya orang Melayu. Maka, nilai dalam kehidupan orang Melayu berdasarkan al-Quran dan Hadith (Wan Abd Kadir, 2000:13). Ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk hubungan, intisari nilai dan sikap serta pandangan sistem sosiobudaya orang Melayu. Ini jelas menerusi perbilangan adat yang berbunyi:

*Adat bersendi hukum, hukum bersendi kitab Allah*

Perbilangan tersebut menjelaskan bahawa nilai dalam sosiobudaya orang Melayu dalam hal-hal kekeluargaan, ekonomi, kenegaraan atau perhubungan antara individu diwarnai oleh Islam. Schubungan itu, penilaian Islam yang mempunyai lima tingkat darjah ukuran (Zainal Kling, 1980) kerap dijadikan penentu terakhir dalam setiap tindakan, iaitu:

- i) wajib
- ii) sunnat
- iii) harus
- iv) makruh
- v) haram

Tingkat-tingkat inilah yang menjadi nilai terhadap perlakuan yang patut dan yang tidak patut.

Dalam organisasi sosial masyarakat Melayu, keluarga, rumah tangga dan kekerabatan adalah perkara utama. Rumah tangga menjadi asas dalam menanam

nilai-nilai ke dalam peribadi anak-anak yang dilaksanakan oleh agen-agen keluarga seperti ibu bapa, datuk, nenek, abang, kakak dan ibu bapa saudara. Bermula dari rumah pelbagai nilai ditanam sejak kecil supaya anak-anak mampu membuat penilaian atas tindak-tanduk mereka. Setiap perbuatan baik akan membawa pahala manakala perbuatan jahat akan membawa dosa (Wan Abd Kadir, 2000:5).

Selain nilai terhadap perlakuan, orang Melayu juga memandang berat terhadap nilai berbahasa. Nilai terhadap bahasa melahirkan jenis-jenis bahasa seperti bahasa halus, bahasa kesat, bahasa kasar dan bahasa biadap. Setiap kata ada nilainya. Sehubungan itu, penggunaan bahasa perlu disesuaikan dengan keadaan, suasana serta golongan dan peringkat yang berbeza (Amat Juhari, 2001:286). Seseorang perlu memahami sebab ia berkata-kata, apa yang dikatakan, bagaimana mengatakannya, kepada siapa ia berkata dan semua ini bergantung kepada konteks pertuturan tersebut (Kramsch, 1998:26)

Nilai menghormati orang lain kerap dikaitkan dengan sistem panggilan dan penggunaan ganti nama diri. Nilai menghormati orang yang lebih tua telah dipupuk sejak kecil lagi. Ini melahirkan sistem panggilan yang pelbagai dalam keluarga Melayu. Setiap ahli keluarga mempunyai panggilan mengikut susunan dalam keluarga seperti panggilan Abang Long, Abang Ngah dan Usu. Golongan yang muda sama sekali ditegah daripada mambahasakan dirinya dengan 'aku' yang dianggap tidak santun malahan kasar apabila digunakan kepada orang yang lebih dewasa. Panggilan-panggilan seperti itu membina kehidupan yang penuh kasih sayang dan keakraban, malahan akan menghindarkan rasa benci dan permusuhan (T.A. Ridwan, 20001:271). Sistem panggilan itu menjadi satu nilai dalam

penggunaan bahasa orang Melayu, apa lagi hal tersebut ditekankan oleh Islam menerusi firman Allah Taala dalam surah al-Hujaraat ayat 11 yang bermaksud:

*"...dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan yang buruk sesudah beriman."*

Pertuturan ahli keluarga menjadi asas didikan yang menentukan cara seseorang berhubung dengan orang lain sama ada semasa berada di rumah atau di luar rumah. Kepentingan menghormati dan berkasih sayang dalam keluarga ditekankan dalam Islam. Ini jelas menerusi firman Allah Taala dalam surah as-Syuraa ayat 23 yang bermaksud:

*"Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upah pun atas seruanku, kecuali kasih sayang dalam kekeluargaan".*

Hubungan kekeluargaan yang sememangnya telah menjadi tradisi budaya Melayu dikuatkan lagi dengan pengaruh Islam. Hubungan anak dengan ibu bapa merupakan nilai yang paling suci dan ini ditekankan dalam Islam menerusi Firman Allah Taala dalam surah al-Israa' ayat 23-24. Dalam ayat 23 itu Allah berfirman yang bermaksud:

*"...dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya, "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia."*

Dalam pada itu, nilai masyarakat Melayu turut memberatkan hubungan hidup bermasyarakat. Setiap anggota masyarakat perlu mengekalkan tingkah laku yang terpuji dengan menjaga pertuturan dan perlakuan supaya diterima oleh masyarakat. Dalam kehidupan bermasyarakat, orang Melayu sangat berhati-hati dengan kelas dan darjat serta kedudukan seseorang. Orang Melayu dikatakan “**status conscious**” dan “**highly stratified**” yang sentiasa berhati-hati dengan kedudukan status serta susun lapis dalam masyarakat ketika bercakap (Norazit Selat, 1996: 215) sehingga wujud konsep “**lain daripada anak beranak**” dengan “**anak beranak**” (Khadijah Ibrahim, 1993: 105). Ini adalah untuk mengekalkan keharmonian anggota masyarakat yang cukup mengambil berat perasaan orang lain seperti yang telah dihuraikan sebelum ini.

Hal tersebut juga dapat dijelaskan menerusi teromba adat yang berbunyi:

*Enau berpangkat turun  
Pulai berpangkat naik  
Manusia berpangkat-pangkat  
Dari pangkat nan tua sampai pangkat nan kecil*

(Norazit Selat, 1997)

Bagi menegakkan sistem nilai, orang Melayu menekankan beberapa konsep yang diutamakan dalam kehidupan seharian mereka, iaitu konsep malu, harga diri, maruah, dan air muka (Wan Abdul Kadir (2000:87). Semua ini menentukan tanggapan terhadap nilai dalam kehidupan orang Melayu. Islam menjadi asas dalam menentukan sempadan malu dan yang paling asas ialah manusia itu perlu malu terhadap Allah dan Rasulnya sekiranya mereka melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah Taala.

## 2.2 Adat dan Tradisi Budaya Melayu

Sebagai penduduk asal di negara ini, orang Melayu telah mempunyai adat dan tradisi budaya yang sudah kukuh sebelum kedatangan pengaruh-pengaruh lain. Adat dan tradisi budaya Melayu telah terbentuk berasaskan pengalaman hidup mereka yang sentiasa menyesuaikan diri dengan keperluan dan kepentingan alam sekitar. Proses evolusi yang berlaku dalam jangka masa yang panjang telah membentuk tradisi budaya yang mantap dalam menentukan penyusunan sosial yang bersesuaian dengan mereka.

Adat ditakrifkan sebagai suatu bidang yang luas, meliputi cara hidup dan budaya dalam kegiatan sosial, ekonomi, politik dan kepercayaan beragama. Adat juga merupakan perlakuan dan tingkah laku yang telah diterima oleh sesebuah masyarakat (Hornby & Parnwell, 1972). Pendek kata adat itu berupa peraturan sosial yang mengandungi kod etika dan moral yang berlandaskan nilai-nilai sosial (Wan Abdul Kadir, 2000:68). Segala perlakuan anggota masyarakat harus menepati adat yang telah terdapat dalam amalan masyarakat tersebut.

Bagi orang Melayu, adat itu sangat penting dan mereka akan mempertahankan adat sebaik mungkin. Orang Melayu takut dilabelkan sebagai "**tak tahu adat**" kerana ini menggambarkan citra diri awam yang tidak diterima dan kurang disenangi oleh orang lain. Pelanggaran adat merupakan suatu perlakuan yang menyebabkan seseorang disingkirkan oleh masyarakatnya.



Adat dipraktikkan dan menjadi tradisi budaya yang diwarisi dan diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi seterusnya secara lisan menerusi didikan keluarga. Sistem kekeluargaan berperanan mendidik dan mengasuh anak-anak supaya menjalani kehidupan yang menepati adat yang telah sedia ada dalam masyarakat. Adat itu merupakan perlakuan yang berasaskan kesusilaan dan berkait rapat dengan nilai-nilai sosial yang sukar sekali dipisahkan.

Adat telah dibahagikan kepada beberapa bentuk antaranya ialah adat yang hakiki yang merupakan hukum alam yang tidak dapat diubah seperti muda pasti tua, hidup pasti mati, api pasti panas dan apa sahaja yang telah ditetapkan oleh kebesaran Tuhan. Bagi orang Melayu, adat yang hakiki ini sentiasa diperhatikan dan dijadikan iktibar dalam menjalani kehidupan seharian. Pemerhatian terhadap adat yang hakiki yang ada di sekeliling mereka menunjukkan mereka ada hubungan dengan alam sekitar dan menjadikan mereka lebih yakin akan kebesaran Tuhan. Sesuatu perkara itu mempunyai sebab dan akibat yang berlaku mengikut ketetapan Tuhan dan inilah yang dijadikan panduan kepada mereka untuk membina adat dalam kehidupan seharian berpandukan ketetapan yang sudah hakiki.

Adat resam merupakan kebiasaan dan kelaziman yang menjadi amalan meluas di kalangan anggota masyarakat dan merangkumi keseluruhan cara hidup orang Melayu. Manakala adat istiadat itu merupakan peraturan dan penyusunan yang lebih formal yang berlaku dalam upacara-upacara rasmi seperti adat peminangan dan perkahwinan. Sebahagian adat telah menerima proses pengubahsuaian dengan keadaan semasa, contohnya dalam adat peminangan dan

perkahwinan, terdapat beberapa perubahan yang berlaku setelah masyarakat semakin sedar akan percanggahannya dengan Islam, contohnya adat merasi<sup>1</sup> yang semakin pupus.

Dalam menyesuaikan tradisi budaya yang diwarisi sejak zaman berzaman itu kadangkala wujud krisis di kalangan anggota masyarakat memandangkan tradisi itu sukar sekali dipisahkan daripada kehidupan orang Melayu. Dalam krisis tersebut Wan Abdul Kadir (2000:81) berpendapat bahawa orang Melayu akan cuba membuat interpretasi atau makna terhadap adat tradisi bersesuaian dengan kehendak Islam. Proses ini membina pandangan alam semesta tersendiri sehingga pembentukan adat itu dianggap tidak bercanggah dengan Islam. Proses ini mengambil masa yang panjang dan memerlukan kepastian yang jelas bagi mengelakkan percanggahan. Terdapat unsur-unsur yang bercampur aduk yang sukar dipisahkan antara amalan dan kepercayaan warisan dengan amalan dalam Islam. Malah, ada pula amalan yang sudah dianggap menjadi amalan di kalangan masyarakat Islam semata-mata kerana amalan tersebut sudah diamalkan oleh orang Melayu yang beragama Islam, antaranya adat melenggang perut, bertindik telinga dan adat naik buai. Namun, adat tradisi itu diisi dengan perlakuan Islam seperti bacaan doa, marhaban dan bacaan selawat. Adat-adat tersebut lebih menjurus kepada majlis yang melibatkan pertemuan anggota masyarakat dan pada majlis yang begini orang Melayu akan kerap bersua, beramah tamah, merapatkan hubungan dan menghulurkan apa juga pertolongan kepada tuan rumah.

Pendek kata, adat dalam masyarakat Melayu berpaut erat dengan nilai-nilai kemasyarakatan. Orang Melayu mengutamakan amalan-amalan yang menjurus ke

arah keakraban dan keeratan hubungan antara satu sama lain. Ini semua menjadi tradisi budaya orang Melayu. Antara tradisi budaya Melayu ialah amalan gotongroyong dan mengamalkan konsep hidup bermasyarakat melebihi konsep individualistik. Orang Melayu sentiasa mementingkan keluarga, jiran dan sahabat tolan apa lagi kampung halaman dan negerinya sehingga lahiriah perbilangan adat yang berbunyi:

*Adat bersaudara, saudara dipertahankan,  
Adat berkampung, kampung dipertahankan  
Adat bersuku, suku dipertahankan  
Adat bernegeri, negeri dipertahankan*

(Norazit Selat, 1997)

Orang Melayu juga mementingkan kehidupan yang harmoni yang akan menghilangkan perbezaan fahaman dan pendapat. Suasana perhubungan dengan orang lain perlu dijalinkan dengan penuh kemesraan dan perlu menunjukkan sikap ramah tamah dan baik hati. Amalan hidup berjiran tetangga menjadi amalan dalam kehidupan orang Melayu seperti yang disebut dalam perbilangan yang berikut:

*Duduk berpelarasan,  
dekat rumah dekat kampung  
Boleh pinta meminta,  
sakit pening jenguk menjenguk*

(Norazit Selat, 1997)

Dalam usaha membentuk keharmonian dan kestabilan sosial, adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota masyarakatnya memainkan peranan masing-masing dengan mempertahankan dan memperkukuh hubungan sosial. Orang Melayu mengamalkan perkongsian dalam apa jua perkara sama ada dalam hal yang senang atau pun hal yang susah. Keadaan tersebut menyebabkan orang Melayu selalu

berjaya menghadapi sebarang masalah bersama-sama dengan ahli keluarga atau jiran sekampung. Contohnya, orang Melayu mengamalkan adat ziarah-menziarahi sama ada dalam suasana suka atau duka. Dalam apa juga keadaan, anggota masyarakat akan cuba memberi pertolongan dan sumbangan sama ada dalam bentuk tenaga atau pun material. Pendek kata, mereka cuba berkongsi apa yang ada dan cuba membantu mengikut kemampuan masing-masing. Adat hidup bermasyarakat itu mempengaruhi perlakuan yang memberatkan pihak lain dan sehubungan itu, penjagaan muka negatif<sup>2</sup> tidak begitu diberatkan. Ini bererti, penekanan adalah terhadap orientasi nilai berkumpulan yang mengutamakan kepentingan seluruh anggota masyarakat, seperti yang disebut oleh Gudykunst et al (1988:90) bahawa “**face giving**” dan “**face saving**” berbentuk spiral dalam jangka masa panjang bagi membolehkan kos dan ganjaran. Amalan tersebut telah mempengaruhi “**facework**” orang Melayu yang sekali gus menetapkan nilai kesantunan orang Melayu.

Amalan tolong menolong dan sikap mengambil berat akan masalah orang lain begitu kuat dalam tradisi budaya orang Melayu, seperti yang disebutkan dalam perbilangan yang berikut:

*Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni  
Sama menghayun, sama melangkah  
Jika khabar baik diberitahu  
Jika khabar buruk sama serentak didatangi  
Jika jauh ingat mengingat  
Jika dekat temu menemu  
Dapat sama laba, hilang sama rugi*

(Norazit Selat, 1997)

Orang Melayu cuba mengekalkan dan mempertahankan tradisi hidup berjiran dan bermasyarakat, jadi mereka sentiasa cuba mencari permuafakatan dan

kesepakatan dalam menyelesaikan sebarang masalah. Segala kekeliruan dan perselisihan faham akan cuba diatasi sebaik mungkin dan mereka sentiasa mengutamakan sikap bertolak ansur dan sikap lebih kurang. Ini jelas dengan perbilangan yang berikut:

*Bulat air kerana pembentung  
Bulat manusia kerana muafakat  
Faham sesuai, benar seukur  
Bulat segolek, pipih selayang  
Rundingan jangan selisih  
Muafakat jangan bercanggah  
Tuah pada sekata  
Berani pada seia*

(Norazit Selat, 1997)

Orang Melayu sangat mementingkan perasaan orang lain dan dalam apa jua pertimbangan mereka sentiasa mengutamakan perasaan orang lain dan ini menjadi pertimbangan dan pengukur dalam membuat sebarang keputusan. Keadaan tersebut disebut oleh Ting-Toomey (1988) sebagai “**other-concern positive face**”. Sebarang tindakan mereka akan mengutamakan pandangan dan penerimaan masyarakat sekelilingnya. Sebarang tindakan dan keputusan yang tidak mementingkan perasaan anggota masyarakatnya boleh menyinggung perasaan pihak lain. Kadang-kadang keputusan itu dibuat mengikut persetujuan orang ramai, baik buruk mereka akan menanggungnya bersama, seperti kata perbilangan yang berikut:

*Yang elok dek awak itu  
Setuju dek orang hendaknya  
Sakit dek awak, sakit dek orang  
Lemak dek awak, lemak dek orang*

(Norazit Selat, 1997)

Semua keputusan perlu ditapis dan diteliti agar tiada sesiapa yang berkecil hati dan berasa diabaikan atau dipinggirkan. Keadaan berhati-hati ketika

menentukan tindak- tanduk dan apa jua tindakan dikatakan seperti **“menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerakan”**.

Demikianlah kuatnya pegangan orang Melayu terhadap tradisi budaya mereka yang cukup mengutamakan keharmonian, kesejahteraan dan persefahaman hidup bermasyarakat. Pegangan mereka yang kuat pada tradisi ini dapat dilihat dalam karya-karya sastera klasik Melayu terutama Sejarah Melayu. Kekuatan orang Melayu pada tradisi hidup bermasyarakat itu dapat dikesan menerusi pengucapan yang terdapat dalam bahan-bahan tradisi lisan dan tradisi rakyat seperti peribahasa, puisi dan naratifnya. Ini adalah kerana bahan-bahan tersebut menggambarkan pemikiran orang Melayu terhadap kehidupan mereka<sup>3</sup>.

Kedatangan Islam telah banyak mengubah amalan kehidupan orang Melayu memandangkan Islam meletakkan semua manusia berada pada darjat dan tahap yang sama. Wertheim (1959:196) berpendapat bahawa Islam telah memberi kedudukan kepada setiap orang Islam di sisi Allah tanpa mengira kuasa dan keturunan. Konsep tersebut telah mendorong orang Melayu menerima Islam dengan mudah. Apabila berlaku penyebaran ilmu Islam di kalangan orang Melayu, maka proses transformasi sosial dan budaya turut berlaku secara menyeluruh. Orang Melayu menerima fahaman Islam dengan mendalam dan berlaku penyebatian Islam dalam kehidupan mereka. Apatah lagi tradisi budaya sedia ada yang mementingkan keharmonian dan permuafakatan antara anggotanya turut ditegaskan dalam pengajaran Islam, maka mereka begitu mudah untuk menerima Islam. Penyebatian antara adat tradisi dengan Islam telah membentuk cara hidup orang Melayu sama ada dalam perlakuan berbahasa atau bukan berbahasa.

### 2.3 Konsep Budi Bahasa Dalam Masyarakat Melayu

Budi dan bahasa ialah dua perkataan yang begitu sinonim yang kerap datang bersama sehingga lahir perkataan budi bahasa. Budi bahasa ialah unsur penting dalam kehidupan orang Melayu yang diasaskan daripada tingkah laku dan penggunaan kata-kata yang dipilih dengan cermat (Amat Juhari Moain, 2001:286). Kepentingan budi bahasa dalam kehidupan orang Melayu begitu jelas dengan pantun yang berikut:

*Yang kurik itu kundi  
Yang merah itu saga  
Yang cantik itu budi  
Yang indah itu bahasa*

Seseorang yang tahu berbudi akan dikatakan “berakal” dan sekiranya tidak menunjukkan budi seperti yang dituntut dalam masyarakat seseorang itu akan dikatakan “tidak berakal”. Bagi orang Melayu, orang yang berakal itu tidak semestinya berpendidikan tinggi malahan ada di kalangan yang memiliki pendidikan yang tinggi tetapi masih dilabelkan sebagai tidak berakal kerana tidak mempamerkan sikap berbudi bahasa. Ciri budi itu merupakan akhlak yang mulia yang mencakupi sifat ikhlas, jujur, benar, merendah diri, pemurah, suka menolong, berjasa dan berbakti (Mustafa Haji Daud, 1995:3).

Apabila budi digabungkan dengan bahasa lahirlah satu pengertian yang jelas, iaitu percakapan yang baik yang mengandungi tutur kata sempurna dan menyenangkan, penuh dengan sifat-sifat menghormati pihak lain, bersopan santun diiringi dengan akhlak yang mulia. Budi bahasa hanya ada pada manusia dan tidak

dianugerahkan kepada makhluk lain dan adalah satu kerugian sekiranya manusia tidak cuba berusaha mengekalkan budi bahasa.

Konsep bahasa dalam masyarakat Melayu begitu penting sehingga dikatakan **“bahasa tidak dijual beli”** dan **“hilang bahasa hilang bangsa”**. Orang Melayu juga ada mengatakan **“bahasa menunjukkan bangsa”** yang menjelaskan bahawa orang Melayu meletakkan bahasa sebagai suatu perkara utama bagi menggambarkan bangsanya. Penggunaan bahasa yang sesuai dan dapat diterima akan menggambarkan keluhuran budi. Penggunaan bahasa dikawal dengan begitu rapi kerana bahasa itu menggambarkan perasaan, tanggapan dan pemikiran terhadap sesuatu. Peribadi seseorang dapat dinilai menerusi bahasanya, kalau bahasanya santun dan halus, maka dia dikatakan berbudi bahasa, sebaliknya kalau bahasa yang digunakan itu kasar dan tidak menyenangkan pendengar, maka dia dikatakan kurang ajar. Bahasa juga memantulkan sikap, kepercayaan, pemikiran dan secara langsung menggambarkan realiti budaya sesebuah masyarakat (Kramsch, 1998:3). Budaya juga dianggap sebagai satu pengaruh kuat terhadap cara masyarakatnya menggunakan bahasa dalam berkomunikasi (Gudykunst et al, 1988:17).

Bagi masyarakat yang mengamalkan budaya kolektif, identiti “kita” sangat ditekankan dengan mengamalkan sikap saling bergantung dan bertimbang-balik demi menjaga citra diri awam sendiri dan orang lain (Gudykunst et al, 1988:90). Sehubungan itu, orang Melayu yang mengamalkan budaya kolektif cukup pantang kalau dilabelkan dengan gelaran **“kurang ajar”**, iaitu gelaran kepada anggota masyarakat yang tidak mampu mempamerkan budi bahasa. Natijah gelaran tersebut bukan sahaja menggambarkan maruah dirinya yang rendah malahan menggambarkan



seseorang itu tidak cukup menerima ajaran dan didikan daripada kedua-dua ibu bapanya (Asmah Haji Omar, 2000:101). Tanggapan tersebut telah mendorong setiap anggota masyarakat Melayu menggunakan bahasa yang santun yang disertai dengan perlakuan yang tertib dan beradab. Budi bahasa juga merupakan cabang akhlak yang sangat dituntut oleh Islam.

Budi bahasa di kalangan orang Melayu amnya dan umat Islam khususnya dikaitkan dengan hati atau kalbu. Perlakuan yang dianggap berbudi dan berbahasa itu merupakan gambaran hati seseorang. Hati yang baik akan membina niat yang ikhlas yang menzahirkan perlakuan yang jujur dan ikhlas. Mustaffa Haji Daud (1995:87-131) dalam bukunya "**Budi Bahasa dalam Tamadun Islam**" telah menghuraikan dengan jelas tentang konsep budi bahasa di hati dan bagaimana konsep hati itu dikaitkan dengan tindakan dan perlakuan manusia<sup>4</sup>.

Hati yang berniat jujur dan ikhlas datangnya daripada seorang insan yang beriman dan bertakwa kepada Tuhannya. Islam sangat menegaskan perkara ini kerana dalam Islam apa juga perbuatan sama ada baik atau buruk tidak akan terlepas daripada menerima balasan daripada Tuhan. Allah telah berjanji bahawa manusia yang bertakwa akan sentiasa diterima oleh Allah, ini jelas seperti firman-Nya dalam surah an-Nahl ayat 128 yang bermaksud :

*"Sesungguhnya Allah Taala itu berserta orang-orang yang bertakwa dan orang-orang yang berbuat kebaikan".*

Dalam surah Maryam ayat 72 Allah berfirman lagi yang bermaksud:

*“Kemudian kami (Allah) menyelamatkan orang yang bertakwa”.*

Telah ditekankan bahawa budi bahasa itu bukan sekadar penggunaan bahasa semasa percakapan semata-mata malahan konsep budi bahasa turut memberatkan perlakuan dan tingkah laku seseorang semasa berhadapan dengan orang lain. Za’ba (1950) pernah menerangkan bahawa perlakuan-perlakuan yang tertib dapat dilihat dalam hubungan sosial di kalangan anggota masyarakat. Antaranya amalan bersalam atau berjabat tangan, menunjukkan muka yang manis, cara duduk yang tertib dan disenangi, melayan tetamu dengan menghidangkan juadah, membongkokkan badan ketika melintas di depan atau di belakang orang lain dan menggunakan ibu jari dan bukan jari telunjuk apabila mahu menunjukkan sesuatu. Perlakuan-perlakuan yang demikian merupakan perlakuan orang yang memiliki hati yang baik kerana sanggup menghormati orang lain, malahan sikap demikian menggambarkan juga hati yang penuh dengan rasa rendah diri.

Masyarakat Melayu mengutamakan budi bahasa kerana menganggapnya sebagai sendi bangsa, malahan tanpanya tidak akan wujud tamadun dan budaya sesuatu bangsa. Ini diperjelas dalam pantun *Lembaga Budi* oleh Hamka (1976) yang berbunyi:

*Tegak rumah kerana sendi  
Runtuh sendi rumah binasa  
Sendi bangsa ialah budi  
Runtuh budi runtuhlah bangsa*

Bagi masyarakat Melayu, harta kekayaan serta wang ringgit bukanlah alat yang utama untuk mengukur peribadi seseorang. Hal tersebut disebutkan dalam pantun yang berbunyi seperti berikut:

*Burung serindit terbang melayang  
Mari hinggap di ranting mati  
Bukan ringgit pandangan orang  
Pandangan atas budi pekerti*

Jelaslah bahawa konsep budi bahasa begitu penting dan sehati sebagai satu nilai sosial di kalangan masyarakat Melayu. Budi bahasa berdiri di atas bahasa yang santun dan perilaku yang mulia. Tanpa kesantunan berbahasa, tidak wujudlah budi bahasa. Sebaliknya, penggunaan bahasa yang santun itu tidak akan lengkap tanpa disertai dengan perlakuan yang mulia yang datang daripada keikhlasan hati. Kedua-dua perkara itulah saling melengkapi konsep budi bahasa dalam kehidupan orang Melayu.

#### **2.4 Konsep Malu dan Jaga Maruah Diri**

Malu dapat dimengertikan sebagai suatu nilai suci dan murni yang menjadi asas kepercayaan dan diterima sebagai mutlak dan luhur yang merupakan maruah bangsa (Mohamed Mansor Abdullah, 1993:249). Menurut Islam, malu ialah perasaan yang mendesak seseorang supaya menghindarkan segala yang keji dan melaksanakan segala yang terpuji. Malu datang daripada hati yang sedar akan nilai diri yang percaya akan kekuasaan dan kebesaran Allah yang sentiasa memerhatikan gerak-geri manusia. Dengan itu, manusia perlu mengawal zahir dan batin daripada melakukan perkara-perkara yang mendatangkan kemurkaan Allah (Mustafa Abd

Rahman, 1996:248). Maka, dapat dikatakan bahawa malu itu merupakan suatu nilai yang mengawal perasaan daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Islam kerana menyedari bahawa Allah itu sentiasa memerhatikan perlakuan manusia. Manusia perlu berasa malu apabila melakukan perkara yang mungkar sehingga mendatangkan kemurkaan Allah.

Malu dibahagikan kepada dua jenis, iaitu malu asli dan malu yang wujud kerana memiliki ilmu mengenal Allah. Malu asli dikatakan sebagai perasaan malu yang menjadi tabiat semula jadi manusia sejak dilahirkan. Malu yang kedua itu pula terbentuk setelah manusia mengenal zat Tuhan yang maha Besar dan Maha Berkuasa berbanding diri manusia yang serba kekurangan (Mustafa Abd Rahman, 1996:249). Kedua-dua jenis malu itu akan membawa keselamatan kepada manusia kerana malu itu berupaya membina akhlak yang mulia yang mampu mencegah kemungkaran.

Konsep malu dalam masyarakat Melayu begitu luas dan menjadi asas didikan anak-anak. Menurut Zainal Kling (1980), konsep malu itu meliputi pelbagai segi pengertian termasuklah yang paling tinggi yang berkaitan dengan akhlak dan maruah individu, keluarga dan masyarakatnya. Maka lahirlah istilah pemalu dan penyegan yang perlu dimiliki oleh sebahagian anggota masyarakat. Nilai ini akan mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu perlakuan yang betul mengikut penilaian masyarakat. Setiap tindakan haruslah mempertimbangkan terlebih dahulu akan kesan buruknya ke atas diri sendiri dan orang lain.

Konsep malu dan aib menjadi asas suci pembentukan sistem sosial orang Melayu. Justeru itu, undang-undang Melayu meletakkan soal malu dan aib sebagai

satu daripada kesalahan yang paling besar dan boleh dikenakan hukuman yang berat sekiranya berlaku sesuatu yang menjejaskan malu. Malu dan segan bukan sekadar perasaan dan emosi seseorang individu malahan konsep malu itu terlalu luas dan kompleks yang terkandung dalam sistem nilai dan kepercayaan masyarakat dan menjadi maruah bangsa (Mohamed Mansor Abdullah, 1993:249).

Seseorang perlu mengelakkan dirinya daripada menerima malu atau memberi malu kepada orang lain. Orang yang menerima malu lazimnya akan hilang pertimbangan dan kerap menanggung risiko kerana malunya telah dicabar. Seseorang yang menerima malu atas perbuatan orang lain biasanya akan mengalami tekanan perasaan dan boleh menyebabkan tindakannya tidak dapat dikawal. Dalam hikayat sastera klasik, terdapat beberapa peristiwa peperangan, pergaduhan, pembunuhan dan amuk yang berlaku disebabkan seseorang itu dimalukan. Peristiwa-peristiwa yang tercetus berpunca daripada terjejasnya maruah seseorang yang menyebabkannya berasa malu lalu mengambil tindakan yang tidak rasional. Contohnya balas dendam Jebat ke atas Sultan Melaka kerana telah memalukan Tuah yang dijatuhi hukuman bunuh kerana dituduh bermukah dengan perempuan istana<sup>5</sup>. Seseorang yang mendapat malu akan tertekan kerana malu dan maruah itu sangat bernilai dalam masyarakat Melayu. Pihak yang dimalukan sentiasa berusaha memulihkan malunya<sup>6</sup>.

Dalam masyarakat Melayu, malu itu bukan sahaja melibatkan perasaan sendiri bahkan sesuatu tindakan kita boleh juga memalukan keluarga dan masyarakat. Oleh itu, lahirlah peribahasa “menconteng arang di muka” yang bermaksud sesuatu perlakuan yang mendatangkan malu dan aib kepada keluarga.

Antaranya sesuatu tindakan yang terkeluar daripada kehendak dan norma masyarakat, seperti seorang gadis "**kahwin lari**", maka tindakannya dikatakan tindakan yang tidak ada rasa malu kerana telah melanggar adat masyarakatnya. Maka gadis tersebut akan menerima hukuman daripada masyarakat dan keluarganya, iaitu tidak dibenarkan pulang ke kampung, dipinggirkan dan tidak diterima lagi sebagai anggota masyarakat kampung tersebut. Hukuman yang diterima itu cukup untuk menakutkan gadis-gadis lain supaya tidak mengulangi perbuatan seperti itu kerana diri sendiri dan keluarga akan mendapat malu.

Anggota masyarakat yang sanggup memalukan diri sendiri dan ahli keluarganya dianggap tidak bemarkah. Maruah dan harga diri seseorang perlu dijaga dengan berpegang kuat pada konsep malu. Konsep malu dalam masyarakat Melayu adalah bertujuan untuk menjaga maruah dan air muka. Seseorang itu harus berasa malu apabila perlakuannya terkeluar daripada peraturan dan nilai yang telah ditetapkan oleh Islam. Tindakan dan perlakuan yang tidak menurut Islam dianggap tidak berakhlak.

Kepentingan menjaga air muka dan maruah ditekankan kepada setiap individu sejak kecil lagi. Pendidikan dan ajaran dalam keluarga menekankan nilai-nilai agama yang membentuk akhlak seseorang anak. Kegagalan mengamalkan nilai-nilai agama menjejaskan akhlak dan sekali gus memalukan keluarga. Muka sangat berkait rapat dengan maruah diri sehingga tercipta pelbagai peribahasa yang berkaitan dengan muka. Antara peribahasa tersebut ialah, "**muka tembok**", "**muka tarpal**", "**muka sengkalan**", "**muka bantal**" atau "**muka papan**" yang kesemuanya

ditujukan kepada seseorang yang tidak tahu malu (Mohd Tajuddin Haji Abd Rahman, 1999:149).

Penciptaan peribahasa yang banyak itu tetapi mempunyai satu makna menunjukkan bahawa orang Melayu sangat mementingkan “malu” dan “air muka”. Dalam suatu ketika apabila seseorang itu berada dalam keadaan tertekan kerana telah dimalukan atau malu kerana diri sendiri telah terlanjur melakukan sesuatu yang mengaibkan dirinya sendiri, akan terdengar rintihannya seperti “**di mana nak sorok muka ini?**”. Ini bererti, seseorang yang menerima malu akan cuba lari daripada keadaan tersebut tetapi segala-galanya sudah terlambat ibarat nasi sudah menjadi bubur. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa sangat menekankan aspek malu sebagai satu nilai yang telah dipupuk kepada anak-anak mereka sejak kecil-kecil lagi. Mereka sangat berpegang kuat pada pepatah yang berbunyi “**kalau melentur buluh, biar sewaktu rebungunya**” dan malu itu telah sebat di dalam jiwa anak-anak bagi menjamin perlakuan mereka yang sepadan dengan nilai dan norma masyarakat.

Dalam sistem kekeluargaan orang Melayu, antara perkara yang memalukan pihak keluarga adalah apabila anak-anak berkelakuan sumbang dan liar. Anak-anak yang sudah meningkat dewasa hendaklah dikahwinkan sebelum tercetus sesuatu perkara maksiat seperti menjalinkan hubungan luar nikah. Dalam masyarakat Melayu, perkahwinan dijalankan dengan penuh adat istiadat kerana adat tersebut memenuhi perjalanan hidup orang Islam yang tertib. Perkahwinan lazimnya didahulukan dengan majlis pertunangan. Pengabaian majlis pertunangan dianggap melanggar adat dan mengakibatkan penanggungan malu di pihak keluarga kerana “**nikah salah**” (Azlina Hashim, 1996:6).

Selain itu, malu juga boleh berpunca daripada penggunaan bahasa. Sewaktu berinteraksi, orang Melayu ditegah sama sekali menghina dan merendah-rendahkan peribadi seseorang. Perkataan yang keluar dari bibirnya hendaklah santun, tidak mengandungi unsur-unsur yang memalukan diri, keluarga dan pihak lain walaupun sewaktu menyatakan sesuatu yang benar. Ini bererti seseorang itu perlu tahu cara hendak bercakap dengan orang lain, mesti mempertimbangkan perasaan orang lain dan tidak ikut sedap mulut menyatakan sesuatu isi hatinya.

Walaupun Islam menggalakkan umatnya saling menegur dan menasihati tetapi Islam sangat mementingkan cara penyampaian yang halus dan santun. Sekiranya ini tidak diamalkan, maka ada pihak yang pasti akan mendapat malu dan aib, tindakan ini boleh mengeruhkan suasana yang harmoni dan mencetuskan perselisihan.

Anggota tubuh badan yang dianugerahi Tuhan perlu dimanfaatkan. Penyalahgunaan anggota tubuh badan boleh menjejaskan maruah dan penanggungan malu. Mulut ialah salah satu anggota yang sangat perlu dijaga memandangkan mulut merupakan bahagian anggota yang mengungkapkan kata. Mulut boleh mendatangkan malu kepada diri sendiri dan orang lain. Oleh itu, penggunaan mulut pada setiap hari perlu dikawal dan orang Melayu sangat memberatkan perkara ini. Ini jelas dengan penciptaan peribahasa seperti "**kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa**". Ini bererti, setiap anggota masyarakat perlu berhati-hati ketika bercakap, kalau tersalah cakap akan menyebabkan sesuatu padah. Orang Melayu juga tidak boleh menerima orang yang menggunakan mulutnya untuk



menyampaikan-nyampaikan cerita orang lain daripada seorang kepada seorang yang lain sehingga dia dikatakan seperti “**mulut tempayan**”. Percakapan seseorang juga tidak boleh berlebih-lebih kerana ini boleh menimbulkan kebosanan orang lain terhadapnya sehingga dianggap seperti “**mulut murai**”.

Selain mulut, orang Melayu juga memberatkan penggunaan lidah kerana lidahlah yang membentuk kata-kata. Penjagaan lidah sama penting dengan penjagaan mulut kerana itu ada peribahasa yang dicipta untuk ditujukan kepada seseorang yang suka menipu sebagai “**lidah bercabang**” dan “**lidah buaya**”. Manakala orang yang bijak membuat janji tetapi sukar menepati janjinya dikatakan “**lidah tidak bertulang**”. Namun, sekiranya lidah itu digunakan secara positif, maka dikata “**lidah manis**” dan bagi seorang yang menggunakan lidahnya untuk memberi kata-kata hikmat dan nasihat yang menguntungkan masyarakat dikatakan “**lidah pendita**” (Mohd Tajuddin Haji Abd Rahman, 1999:127).

Dalam membincangkan tugas mulut dan lidah, kita tidak boleh mengabaikan soal hati. Ini adalah kerana hatilah yang mendorong sesuatu ungkapan yang ditugaskan kepada lidah dan mulut. Oleh itu, ujaran menggambarkan hati. Ujaran yang tidak membawa kemungkaran datang daripada hati yang penuh ketakwaan.

Perkara ini ada disebut oleh Raja Ali Haji (2000:8) di dalam gurindamnya seperti yang berikut:

*“Apabila terpelihara lidah,  
Nescaya dapat daripadanya faedah”*

Manakala mengenai hati pula, Raja Ali Haji seterusnya berkata:

*"Hati itu kerajaan di dalam tubuh,  
Jikalau zalim, segala anggota pun roboh."*

Jelaslah bahawa malu itu suatu nilai yang mengawasi perlakuan manusia daripada melakukan perkara-perkara mungkar yang boleh menjejaskan maruah diri. Sehubungan itu, manusia perlu mengawasi perlakuannya sama ada perlakuan tanpa bahasa atau perlakuan berbahasa daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah.

## **2.5 Keluarga dalam Masyarakat Melayu**

Pembangunan dalam sesebuah keluarga adalah untuk menjamin kesempurnaan diri anak-anak. Peranan keluarga yang paling utama adalah untuk memupuk nilai-nilai suci dan murni dalam pembinaan insan yang sempurna di dunia dan akhirat. Setiap ibu bapa perlu memastikan anak-anaknya dididik dengan sempurna sama ada dari segi tingkah laku atau pun percakapan. Sistem kepercayaan dan corak pemikiran dan tingkah laku seseorang individu terbentuk dalam keluarga semasa bayi lagi. Nik Azis Nik Pa (1999:348-398) menyatakan bahawa potensi diri seseorang individu dalam menjalani kehidupan yang sempurna banyak bergantung kepada suasana positif sesebuah keluarga. Ibu bapa patut mewujudkan peraturan dan norma yang sesuai dan berkesan bagi memastikan pendidikan yang sempurna di kalangan anak-anak mereka.

Kedamaian yang ada dalam sesebuah keluarga merupakan tapak yang mampu menjauhkan diri daripada sifat-sifat kejahilan dan kelalaian. Sesebuah keluarga yang damai memerlukan cahaya keimanan dan cahaya keilmuan yang memberatkan kebijaksanaan dalam pergaulan, tidak sombong dan berhati-hati dalam setiap tindakan. Nik Azis Nik Pa (1999:357) menegaskan bahawa kesejahteraan dan kedamaian hanya dapat dicapai menerusi pendekatan tauhid.

*"Pembangunan insan membabitkan usaha mempertingkatkan kesejahteraan (al-falah) manusia ke tahap yang optimum dalam semua aspek kehidupan dengan berlandaskan pendekatan tauhid."*

Pendekatan tauhid yang dimaksudkan oleh Nik Azis Nik Pa itu ialah pendekatan Islam.

Pembinaan akhlak seseorang individu itu bermula dari rumah dan pemupukan budi bahasa bukan sahaja dipelajari malah diikuti melalui contoh yang ditunjukkan oleh ibu bapa. Anak-anak sejak kecil sudah diajar supaya menghormati orang yang lebih tua dan tidak dibenarkan sama sekali bercakap kasar. Mereka dididik supaya menghormati ahli keluarga dengan menggunakan sistem panggilan yang betul seperti bapa, emak, abang, kakak, pak cik, mak cik atau sebagainya. Sistem panggilan yang tepat sangat diberatkan dan memanggil golongan tua dengan nama sahaja dianggap kurang ajar walaupun emak saudaranya lebih muda usianya tetapi seseorang anak saudara yang lebih tinggi umurnya masih perlu memanggil Mak Cik atau Mak Su kerana mengikut tata tingkat dalam sistem kekeluargaan.

Menjalinkan hubungan mesra dengan anggota keluarga tidak terbatas di dalam lingkungan keluarga asas sahaja bahkan hubungan mesra itu dijalinkan dengan keluarga luas. Wan Abdul Halim Othman (1993:93) menjelaskan bahawa orang yang mempunyai ramai saudara akan mempunyai masa depan yang lebih terjamin dan ada tempat berlindung. Orang yang ada keluarga yang besar diibaratkan seperti **“kelapa tebal sabut, terhempas ke batu tak pecah, dibuang ke laut tak tenggelam”** memandangkan ahli keluarga ialah pihak yang akan membantu seseorang anggota keluarga lain yang mengalami masalah. Ini merupakan nilai dalam tradisi budaya orang Melayu yang diperkukuh lagi oleh ajaran Islam yang mahu umatnya saling menyayangi antara anggota keluarga.

Hubungan kekeluargaan dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu hubungan darah dan keturunan, hubungan angkat dan hubungan perkahwinan. Antara cara orang Melayu menjaga hubungan keluarga ialah saling mengambil berat hal ehwal anggota keluarga sama ada pada waktu senang atau pun susah. Hubungan mereka sangat penting ketika menghadapi sakit demam, kenduri kendara dan dalam apa juga keputusan ahli keluarga perlu dijemput untuk bermusyawarah. Dalam pada itu, anggota keluarga bertambah besar melalui ikatan perkahwinan yang menjadi agen dalam menjalinkan hubungan dengan keluarga yang baharu.

Sehubungan itu, perkahwinan menjadi agenda terpenting dalam masyarakat Melayu. Anak-anak yang sudah menjangkau umur dewasa hendaklah dikahwinkan dan kelewatan melangsungkan perkahwinan anak cuba dielakkan lebih-lebih lagi anak perempuan. Maka peranan ahli keluarga yang lain seperti bapa dan ibu saudara atau saudara pupu akan berusaha mendapatkan jodoh untuk anak buah mereka.

Kepentingan bertemu jodoh dalam masyarakat Melayu itu menyebabkan munculnya peribahasa “**ringan jodoh**” bagi mereka yang cepat berkahwin dan “**berat jodoh**” bagi yang lambat berkahwin.

Seseorang anak yang berkahwin berperanan menjadi agen yang menghubungkan tali persaudaraan antara ibu bapanya dengan mertuanya. Hubungan bisan akan lebih akrab dan mesra apabila si anak melahirkan cahaya mata dan kedua-dua pihak ibu bapa akan tumpang gembira kerana bayi tersebut ialah cucu mereka bersama. Kekuatan Islam terpancar dalam jalinan hubungan antara menantu dengan mertua. Ini disebabkan Islam telah menegaskan bahawa ibu bapa mertua tarafnya sama seperti ibu bapa kandung kerana itu mereka dikelompokkan sebagai muhrim kepada menantu (tidak batal air sembahyang sekiranya bersentuh dan haram berkahwin dengan mereka). Hal ini dijelaskan oleh al-Quran menerusi surah an-Nisa' ayat 23.

Tanggungjawab setiap pasangan ibu bapa terhadap anak-anak yang sudah meningkat dewasa ialah mengahwinkan mereka. Perkahwinan dalam Islam adalah antara tugas yang wajib dilaksanakan memandangkan perkahwinan itu mempunyai peranannya yang cukup kuat dalam menambahkan zuriat serta mengelakkan perkara maksiat dalam pergaulan antara lelaki dengan perempuan. Orang Melayu sama sekali menolak perhubungan pasangan yang belum bernikah kerana Islam sendiri mengharamkannya. Demi kesejahteraan manusia, perkahwinan adalah wajib kepada lelaki dan perempuan sekiranya mereka berhasrat untuk meneruskan kehidupan berkelamin. Perkahwinan merupakan sebahagian daripada tindakan yang menepati akhlak Islam. Ini adalah kerana hubungan pasangan yang belum bernikah akan

menjejaskan maruah dan menjatuhkan air muka keluarga dan diri sendiri. Allah telah berfirman dalam surah ar-Rum ayat 21 yang bermaksud:

*“Di antara tanda-tanda kebesaran-Nya ialah Dia (Allah) menciptakan pasangan-pasangan (jodoh) bagi kamu dari makhluk jenis kamu sendiri, agar kamu cenderung kepadanya dan merasa tenteram dengannya. Kemudian Allah menciptakan rasa kasih sayang di antara kamu....”*

Menyentuh perkara tersebut, Rasulullah juga bersabda:

*“Apabila seorang hamba Allah telah beristeri/bersuami ia telah menyempurnakan separuh agamanya....”*

Menguruskan perkahwinan anak adalah menjadi tanggungjawab yang penting kepada ibu bapa. Majlis perkahwinan anak hendaklah dilangsungkan dalam suasana yang meriah yang bertujuan untuk mengumumkan perkahwinan agar pasangan tersebut dapat menjalani kehidupan sebagai pasangan yang diterima oleh masyarakat sekeliling.

## **2.6 Adat Istiadat Pertunangan Orang Melayu**

Perkahwinan ialah pembentukan dan pembinaan institusi kekeluargaan yang didasari oleh Kitabullah dan sunah Rasul (Muhammad Ali Quthb, 1995:49). Perkahwinan dari sudut undang-undang ialah satu perjanjian (Abang Yusof Abang Putih, 1964:23). Perjanjian dalam perkahwinan menjadi tuntutan Islam. Mengulas hal tersebut, Ustazah Fathiyah Muhammad Taufik (dalam Muhammad Ali Quthb, 1995:49) telah menjelaskan keutamaan perjanjian dalam perkahwinan menurut surah an-Nisa' ayat 21 yang bermaksud:

*“Bagaimana kamu akan mengambilnya kembali, pada hal sebahagian kamu telah bergaul (bercampur) dengan yang lain sebagai suami isteri. Dan mereka (isteri-isterimu) telah mengambil dari kamu perjanjian yang kuat.”*

Lafaz perjanjian yang disebut di dalam ayat tersebut ialah perjanjian perkahwinan. Perjanjian tersebut merupakan perjanjian hubungan sepasang suami isteri yang kuat. Menerusi perjanjian tersebut, Allah telah mengikat pasangan suami isteri dengan perasaan cinta dan kasih-sayang. Hal ini turut dijelaskan menerusi ar-Rum ayat 21 yang bermaksud:

*“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikan –Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kamu yang berfikir.”*

Kedua-dua surah tersebut menjelaskan bahawa perkahwinan sangat penting dalam Islam. Malahan sejak kejadian manusia di dunia ini, Allah telah mengesahkan perkahwinan manusia pertama ciptaan-Nya itu antara Adam dengan Hawa. Oleh itu, menguruskan perkahwinan anak merupakan agenda utama dalam sesebuah keluarga.

Kahwin menurut adat perlu bersendikan syarak-syarak kitabullah, mendapat keizinan ibu bapa dan keluarga serta menepati prosedur adat (Tamsin Medan, 1976). Sehubungan itu orang Melayu menitikberatkan ketertiban dalam menguruskan sesuatu perkara memandangkan ketertiban itu merupakan sebahagian amalan Islam.

Dalam urusan perkahwinan, orang Melayu tetap mementingkan ketertibannya dan mempunyai prosedur seperti yang berikut:

- i) Merisik (bertanya-tanya)
- ii) Meminang (menghantar tanda)
- iii) Perkahwinan (akad nikah)

Merisik ialah proses menyiasat yang dilakukan oleh pihak lelaki ke atas pihak perempuan yang dipilih untuk menjadi calon isteri. Merisik ialah prosedur awal dalam perkahwinan yang dilakukan secara tertutup dan hanya melibatkan beberapa waris terdekat pihak lelaki. Prosedur ini kuat di amalkan di kalangan masyarakat Melayu tradisional memandangkan pada waktu itu, anak-anak gadis terperap di rumah (Rusini Abd Razak, 1980:47 & Azlina Hashim, 1996:57). Istilah merisik dalam masyarakat Negeri Sembilan dan Melaka Utara ialah "**bertanya-tanya**", "**berakuk-akuk**" dan "**membuang-buang cakap**" manakala dalam masyarakat Sarawak disebut sebagai "**Kerisit kerimun**". Tujuan merisik adalah untuk menyiasat latar belakang gadis yang kurang dikenali. Ada kala gadis tersebut sudah dikenali, tetapi merisik tetap diadakan sebagai pengesahan dan perasmian.

Islam menggalakkan hubungan persaudaraan yang erat serta saling mengerti antara kedua-dua pihak (Mohammad Ali Quthb:122). Oleh itu, sebelum pasangan itu dikahwinkan, kedua-dua pihak perlu mengenali latar belakang masing-masing. Merisik menjadi satu usaha bagi memastikan usaha ke arah tersebut tercapai. Semasa merisik, wakil pihak lelaki akan mengunjungi keluarga perempuan untuk mengetahui sama ada peminangan mereka diterima oleh pihak perempuan. Bagi



sesetengah masyarakat, sewaktu merisik wakil lelaki ada membawa bersama sebetuk cincin tanya. Lazimnya, jenis cincin tersebut dikenali sebagai cincin belah rotan. Membawa cincin tanya ini masih kuat diamalkan di kalangan masyarakat Negeri Sembilan dan Melaka Utara (Azlina Hashim, 1995:57). Namun begitu, peraturan tersebut kurang diamalkan oleh masyarakat di tempat lain (Rujuk MP 2 & MP 11) tetapi hal tersebut tidak menghalang pertunangan kedua-dua pasangan. Merisik ini diadakan bagi memastikan pihak lelaki membuat pilihan yang sesuai dengan kehendaknya. Malahan, Islam membenarkan pihak lelaki untuk melihat calon isterinya bagi memastikan kebahagiaan pasangan setelah berkahwin (Mohammad Ali Quthb, 1995:127).

Lazimnya, pihak perempuan akan meminta tempoh sebelum memberi kata putus kerana perbincangan perlu diadakan dengan gadis yang dipinang serta anggota keluarga yang terdekat. Dalam tempoh tersebut pihak perempuan juga akan menyiasat latar belakang lelaki. Pada tarikh yang dijanjikan, pihak lelaki akan tiba ke rumah perempuan untuk mendengar keputusan. Sekiranya semuanya berpuas hati, berlangsunglah pertunangan tidak rasmi. Pada hari itu, majlis pertunangan secara rasmi akan dibincangkan. Bagi masyarakat Kelantan, pertunangan tidak rasmi berlaku dalam peringkat meninjau selepas pihak lelaki merisik latar belakang perempuan (Rusini Abd Razak, 1981:61).

Walau bagaimanapun, majlis tersebut semakin kurang diadakan pada masa kini. Ini adalah disebabkan pada masa kini pergaulan antara remaja lelaki dengan remaja perempuan agak bebas memandangkan anak-anak gadis tidak lagi terperap di rumah. Anak-anak gadis bebas keluar belajar dan bekerja, malahan bebas

melakukan aktiviti mereka di luar rumah. Ini memberi peluang kepada mereka untuk berkenalan dan berkawan dengan remaja lelaki. Cara hidup anak-anak remaja hari ini meyebabkan mereka membuat pilihan sendiri untuk berkahwin dengan salah seorang daripada rakan mereka yang telah dikenali. Malahan, mereka telah bergaul mesra dengan keluarga pasangan masing-masing. Pasangan remaja yang sudah bersedia untuk berumah tangga akan memaklumkan hasrat mereka kepada ibu bapa masing-masing. Perbincangan tentang majlis pertunangan berlaku sesama mereka manakala ibu bapa hanya memastikan kewajaran keputusan yang dicadangkan oleh pasangan tersebut. Setelah sepakat dan jelas tentang majlis pertunangan, ibu bapa dan keluarga membuat persediaan rapi bagi melangsungkan majlis pertunangan.

Walaupun merisik semakin kurang diamalkan, tetapi majlis pertunangan kekal sebagai amalan yang masih kuat di kalangan orang Melayu. Peminangan adalah apabila pihak lelaki menyatakan kepada pihak perempuan tentang tujuan dan kehendaknya (Haron Din, 1991: 199). Majlis tersebut diteruskan dan ikatan pertunangan dijalinkan. Majlis ini dilangsungkan secara tertutup dan tidak dihebahkan seperti majlis perkahwinan. Pertunangan hanya melibatkan kaum keluarga terdekat. Berhubung perkara tersebut Rasulullah pernah bersabda (maksudnya):

*"Umumkanlah perkahwinan dan rahsiakan pinangan"*

Pertunangan merupakan mukadimah bagi perkahwinan yang disebut juga sebagai khitbah (Haron Din, 1991:200 & Rujuk MP 18). Dalam masyarakat Melayu yang cukup mempertimbangkan adat dan malu, peminangan lazimnya dilangsungkan

dengan mengirimkan wakil yang selalunya terdiri daripada saudara mara terdekat seperti bapa saudara atau sahabat karib keluarga yang berperanan menjadi jurucakapnya. Peranan wakil dalam menyampaikan mesej di kalangan orang Melayu sangat penting terutama dalam sesuatu perkara yang ada jurang hubungan antara penyampai mesej dengan penerima mesej tersebut (Asmah Haji Omar, 1992:185).

Ini juga merupakan suatu keperluan untuk mengekalkan hubungan yang belum intim yang dijurangi oleh status dan umur serta darjah keakraban (Ibid). Peranan wakil adalah untuk memastikan hubungan komunikasi secara langsung antara kedua-dua pihak berlangsung dalam suasana harmoni. Ini juga adalah bagi mengelak sebarang rasa malu yang akan ditanggung oleh pengirim mesej. Maka penggunaan wakil dalam istiadat peminangan menggambarkan dengan jelas bagaimana orang Melayu menguruskan sesuatu situasi yang rumit. Penggunaan wakil dalam istiadat ini dianggap cara yang sopan dan manis (Azlina Hashim, 1996:82).

Peminangan yang merupakan urusan keluarga secara tertutup itu mempunyai beberapa peranan. Antaranya adalah untuk melamar gadis tersebut secara rasmi dan lamaran tersebut hendaklah diketahui dan direstui oleh keluarga kedua-dua pihak. Ini bererti hasrat anak lelaki terhadap si gadis sudah secara rasmi dimaklumkan kepada keluarga. Anak gadis yang dipinang dengan baik adalah tanda-tanda yang jelas bahawa gadis tersebut memiliki maruah dan harga diri yang sempurna. Dalam hal ini, Robani Haji Yusuf (1984:19) menjelaskan bahawa majlis pertunangan menunjukkan keluhuran budi masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran Islam yang dilakukan dengan penuh tertib oleh kedua-dua pihak.

Majlis pertunangan juga menjadi petanda masa bermulanya persiapan untuk melangsungkan perkahwinan pasangan yang bertunang. Kedua-dua keluarga akan mula membuat persiapan perkahwinan. Dalam tempoh pertunangan, pasangan tersebut akan membuat persiapan rapi sama ada dari sudut mental atau psikologi bagi menghadapi kehidupan bersuami isteri. Pada masa ini, pasangan yang hendak berkahwin perlu menghadiri kursus nikah (Rujuk MP 1). Kursus nikah ini telah menjadi syarat utama kepada pasangan yang hendak berkahwin. Dalam tempoh pertunangan ini juga kedua-dua pasangan akan mula merancang kedudukan kewangan, tempat tinggal setelah berkahwin dan keperluan-keperluan yang lain. Tempoh ini juga memberi ruang kepada kedua-dua keluarga untuk menjalinkan hubungan kekeluargaan yang mesra dan rapat. Semua ini adalah keindahan yang tersembunyi di sebalik majlis pertunangan yang sangat bersesuaian dengan ajaran Islam.

Apabila peminangan telah diterima, berlangsunglah rundingan antara kedua-dua pihak untuk merancang dan menetapkan majlis perkahwinan. Dalam rundingan itu, mereka cuba mencari kata sepakat dan setiap maksud dinyatakan dengan jelas agar kedua-dua pihak faham dan tidak timbul sebarang kekeliruan yang boleh mengeruhkan suasana. Dalam majlis ini jugalah kedua-dua keluarga berkenal mesra, cuba menjalinkan hubungan keluarga dan perkenalan ini cukup penting untuk diteruskan sehingga kedua-dua pasangan diijabkabulkan.

Dalam majlis ini, pihak lelaki akan membawa sesuatu sebagai pemberian dan hadiah kepada pihak perempuan. Cincin tanda adalah antara barang yang akan

dibawa oleh wakil untuk diserahkan kepada pihak perempuan. Cincin tersebut dinamakan cincin pertunangan dan apabila tersarung di jari manis si gadis berarti gadis itu sudah mempunyai calon suami dan kini berada dalam proses melangsungkan perkahwinan. Selepas bertunang si gadis tidak boleh menerima peminangan orang lain lagi. Begitu juga pihak lelaki tidak sewajarnya meminang orang lain pula. Islam menegaskan larangan meminang gadis yang sudah bertunang. Menurut hadith yang dikemukakan oleh Bukhari (Mohammad Ali Quthb, 1995:124) yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Omar r.a, Rasulullah pernah bersabda (maksudnya):

*"Janganlah seorang lelaki meminang wanita yang telah dipinang oleh saudaranya (orang lain sesama muslim) sebelum wanita itu ditinggalkan oleh tunangan sebelumnya, atau jika tunangan sebelumnya mengizinkan."*

Selain membawa cincin tanda atau cincin pertunangan, rombongan lelaki juga akan membawa beberapa hadiah untuk diberikan kepada pihak perempuan. Antara barang yang mesti dibawa ialah tepak sirih. Tepak sirih berperanan sebagai pembuka bicara (Azlina Hashim, 1995:68). Ada yang beranggapan bahawa adat meminang dengan membawa sirih pinang merupakan adat Hindu Tua (H.M. Saidin, 1964). Meminang diilhamkan daripada buah pinang dan dari situ lahir perkataan meminang (Abd Ghani Abas, 1958:40). Buah pinang melambangkan lelaki kerana sifat buah yang keras. Manakala sirih melambangkan perempuan kerana lembut dan senang dilipat-lipat. Sirih pinang melambangkan ikatan lelaki dan perempuan yang tidak boleh dipisahkan (Rusini Abd Razak, 1981:63).

Selain tepak sirih, rombongan lelaki juga akan membawa kuih-muih yang manis, sepasang pakaian yang lengkap dengan kasut dan beg tangan, bunga rampai, buah-buahan, tuala, telekung dan coklat atau gula-gula. Jenis barang-barang yang dibawa tidaklah seragam dalam semua majlis pertunangan. Hal ini bergantung kepada kemampuan dan kehendak keluarga masing-masing. Setiap majlis pertunangan ada kelainan dari segi barang hantaran. Namun apa yang jelas, tepak sirih dan sebentuk cincin menjadi suatu kemestian yang dibawa oleh setiap rombongan lelaki. Jumlah dulang hantaran yang dibawa juga tidak tetap antara satu majlis dengan majlis yang lain. Tetapi, yang pasti ialah bilangan dulang hantaran mesti dalam bilangan angka ganjil seperti 5, 7, 9, 11, atau 13 (Rujuk Bab 4:). Pihak perempuan akan membalas dulang hantaran tersebut dengan melebihi dua dulang yang menjadikan bilangan dulang yang diberikan kepada pihak lelaki juga dalam bilangan ganjil.

Dulang-dulang hantaran dibawa oleh rombongan lelaki lalu diserahkan kepada keluarga pihak perempuan yang telah sedia menunggu ketibaan rombongan lelaki. Dulang-dulang hantaran diletakkan di tengah ruang tempat rundingan dijalankan. Para tetamu, rombongan lelaki dan keluarga pihak perempuan akan duduk mengelilingi dulang hantaran.

Selepas rundingan selesai dijalankan, seorang wakil lelaki yang terdiri daripada wanita sama ada ibu, nenek atau kakak akan menyarung cincin tanda pertunangan ke jari manis gadis yang dipinang. Ini merupakan acara kemuncak majlis pertunangan tersebut. Acara menyarung cincin ini merasmikan pertunangan pasangan tersebut.

Setelah segala-galanya selesai, satu majlis makan yang dikenali sebagai kenduri diadakan. Rombongan lelaki serta para tetamu akan dihidangkan dengan juadah yang enak sebelum rombongan lelaki berangkat pulang. Sewaktu makan, hubungan yang mesra terus dijalankan antara kedua-dua keluarga.

Ikatan pertunangan ialah ikatan janji yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak sepanjang tempoh pertunangan. Sebarang pelanggaran janji akan menjejaskan hubungan kedua-dua keluarga, jadi pasangan ini cuba mengelakkannya daripada berlaku. Namun begitu, andai kata mereka sudah tidak dapat mengekalkan lagi ikatan pertunangan, maka cara memutuskan pertunangan itu perlu dirasmikan juga (Rujuk MP 1, 2, 3, 4, 5, 8, 9, 11 dan 19 kajian ini). Sekiranya yang melanggar janji ialah si lelaki, maka segala hadiah yang telah diberikan akan langcai begitu sahaja dan tidak boleh dituntut lagi. Dalam hal ini Rasulullah pernah bersabda a (Muhammad Ali Quthb, 1995:165) maksudnya:

*"Lelaki yang menarik kembali pemberiannya ibarat anjing yang menjilati muntahnya".*

Sebaliknya, sekiranya si gadis yang melanggar janji, maka dia terpaksa memulangkan segala hadiah dan cincin pertunangan kepada pihak lelaki kecuali hadiah yang sudah dimakan (barang makanan) atau yang sudah dipakai seperti kain baju (Ibid). Kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku itulah sebenarnya yang menyebabkan majlis pertunangan itu tidak perlu dihebahkan kepada orang ramai. Ini bagi mengelakkan rasa malu yang mungkin ditanggung sekiranya pertunangan tersebut tidak berakhir dengan perkahwinan.

Dalam urusan peminangan dan pertunangan, keluarga terdekat akan dijemput untuk membincangkannya. Pihak lelaki selalunya diwakili oleh ahli keluarga yang terdekat, berusia, mempunyai kedudukan yang tinggi dalam hierarki keluarga dan perlu memiliki kebijaksanaan untuk dibawa berunding. Lazimnya, bapa saudara sebelah bapalah yang menjadi wakil keluarga pihak lelaki atau pihak perempuan untuk menjadi jururundingnya. Wakil lelaki dan wakil perempuan akan berbincang dengan disaksikan oleh anggota keluarga lain, sekiranya tidak ada sesuatu perkara yang memerlukan pandangan orang lain maka rundingan tersebut hanya dikuasai oleh kedua-dua wakil sahaja. Namun begitu, kadang-kadang wakil ini akan bertanya juga kepada anggota keluarga yang lain sekiranya beliau tidak pasti tentang sesuatu perkara, jadi rundingan itu akan terbuka kepada anggota keluarga yang lain untuk bersuara. Dalam istiadat peminangan, lelaki yang hendak bertunang dilarang menyatakan hastarnya secara berterus terang kepada pihak perempuan. Sekiranya ini berlaku, lelaki tersebut akan menanggung malu kerana tindakan tersebut dianggap tidak manis dan tidak santun (Azlina Hashim, 1995:66). Oleh itu, istiadat ini akan dijalankan oleh wakil.

Masyarakat Melayu cukup terkenal dengan budi bahasanya, dan dalam setiap keadaan mereka akan cuba mempamerkan ketinggian budi bahasanya dengan menggunakan bahasa yang indah, berlapik dan berselindung. Penggunaan bahasa yang indah dan halus kerap digunakan sewaktu peminangan, antaranya ialah pantun, kiasan dan perbilang.



Begitulah pentingnya majlis pertunangan dalam masyarakat Melayu. Kepentingannya dapat dilihat dari segi tujuan, peranan dan pengendalian majlis tersebut. Maka, pengabaian majlis ini boleh mengancam maruah dan air muka keluarga pasangan yang hendak berkahwin.

## **2.7 Kesimpulan**

Dengan berdasarkan penjelasan tentang latar belakang sosiobudaya orang Melayu, maka kajian ke atas fenomena kesantunan orang Melayu perlulah berada dalam kerangka nilai-nilai Islam. Kesantunan dalam kehidupan masyarakat Melayu tidak hanya terbatas dalam perlakuan berbahasanya sahaja, bahkan turut melibatkan perlakuan adat. Kesantunan orang Melayu berjaya dilihat apabila keseluruhan nilai sosiobudaya orang Melayu difahami. Dalam melihat fenomena berbahasanya, Gumperz (1993:193) menjelaskan bahawa kajian tentang penggunaan bahasa perlu dilakukan dalam konteks sosial dan hubungannya dengan norma, nilai dan ciri-ciri budaya yang menguasai percakapan masyarakat tersebut. Selain itu, Lakoff (dalam Khaidi Zhan, 1992:) menjelaskan bahawa kajian ke atas fenomena kesantunan antara budaya adalah penting untuk menjelaskan aspek kesantunan yang universal dan kesantunan yang hanya terdapat dalam masyarakat tersebut sahaja. Jelaslah di sini bahawa konteks sosiobudaya penting dalam memahami kesantunan orang Melayu.

---

## NOTA

1. Menilik atau meramal untuk melihat kesesuaian pasangan dengan membuat pengiraan terhadap nama pasangan. Lihat Amran Kasimin, (2002:11-17).
2. Menurut Brown dan Levinson, muka negatif ialah kehendak individu agar hak dan kebebasannya dipertahankan (1987:61).
3. Asmah Omar menjelaskan hal ini dalam bukunya Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu, 1986:178.
4. Beliau mengibaratkan budi bahasa itu seketul air batu yang separuh berada di permukaan air yang boleh dilihat, manakala separuh lagi tenggelam di dalam air dan tidak dapat dilihat. Namun apa yang terpancar di luar yang jelas boleh dilihat sebenarnya datang dari hati dan kalbunya yang tersembunyi. Niat yang ikhlas itu tersembunyi di dalam hati tetapi niat itu akan kelihatan menerusi tindakan dan perlakuannya. Sehubungan itu, hanya orang yang berniat baik sahaja yang ada budi bahasa.
5. Dalam Drama Tuah Jebat oleh Abdul Rahman Napiah (1994:76), Jebat berkata kepada Tuah yang berbunyi "Aku mesti menuntut bela daripadanya sebiji mata dengan sebiji mata, tulang yang patah dengan tulang yang patah, air mata dengan air mata, darah dengan darah, malu dengan malu. Dia menghukum engkau dengan hukuman yang memalukan..."
6. Setelah Jebat merampas istana Melaka, Sultan bertitah kepada Tuah "Basuhkanlah arang di mukaku" seperti yang terdapat dalam A.Samad Ahmad (2003:140).